



Rujukan kami: JBPM/IP/CSM:500-5/6 (20)
Tarikh : 7 Julai 2023

SENARAI SEPERTI EDARAN

YS Dato'/Tuan/Puan,


PENJELASAN ARAHAN CUTI GANTIAN KEPADA ANGGOTA BOMBA YANG BERTUGAS SECARA SHIF DAN BEKERJA WAKTU PEJABAT.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara seperti di atas dan surat rujukan JBPM/IP/CSM:500-5/6 (15) bertarikh 26 Ogos 2019 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YS Dato'/Tuan/Puan, Jabatan melalui surat bertarikh 26 Ogos 2019 telah mengeluarkan surat keputusan **"Tidak Dapat Dipertimbangkan"** pemanjangan **cuti sambilan dan cuti gantian kepada anggota bomba yang bertugas secara shif dan bekerja waktu pejabat.** Ini susulan maklum balas yang diterima dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung permohonan Jabatan bagi pemanjangan cuti sambilan dan cuti gantian kepada anggota bomba yang bertugas secara shif dan bekerja waktu pejabat. Keputusan ini adalah muktamad sebagaimana dimaklumkan melalui surat JPA rujukan JPA.SARAAN (S)43/37 (21) bertarikh 16 Disember 2015.

3. Sebagaimana YS Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan telah memberi pengiktirafan dan penghargaan sewajarnya kepada Pegawai Bomba yang bertugas secara giliran 12 jam atau 24 jam termasuk secara "on call" khusus kepada Ketua Operasi Negeri dan Ketua Balai dengan memperuntukkan Bayaran Insentif Bomba (BIB) selaras dengan prinsip dan kriteria pemberian elaun yang berkuat kuasa. Manakala bagi Pegawai Bomba yang bekerja waktu pejabat dan tidak layak menerima BIB yang diarah bertugas lebih masa adalah layak diberi Cuti Gantian sebagaimana diperuntukkan di bawah Perintah Am 40, Bab C (Cuti) 1974 iaitu:


'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO QMS 02101



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO ABMS 00216



PEMENANG
ANUGERAH
EMAS AIGA 2022

“Seseorang pegawai yang tidak berkecukupan mendapat bayaran kerana bekerja lebih masa atau sebarang bayaran khas lain boleh diberi cuti gantian oleh Ketua Jabatan kerana dipanggil bertugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan. Cuti gantian hendaklah sama banyak dengan masa dipanggil bertugas lebih masa itu.”

4. Selaras dengan keputusan JPA dan arahan terdahulu melalui surat rujukan JBPM/IP/CSM:500-5/6 (15) bertarikh 26 Ogos 2019, maka **Surat Arahan Cuti Gantian Pegawai** rujukan JBPM/IP/UIN: 100-1/9/1 Jld 2(47) bertarikh 20 Jun 2023, para 7.1.4 (ii) **hanya terpakai kepada pegawai-pegawai yang tidak layak menerima BIB dan diarahkan bertugas lebih masa oleh Ketua Jabatan secara bertulis.**

5. Sehubungan dengan itu, YS Dato’/Tuan/Puan diarahkan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan keputusan JPA dan peraturan yang sedang berkuat kuasa dalam memastikan pemberian cuti kepada pegawai-pegawai di bawah seliaan masing-masing adalah teratur.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL WAHAB BIN HAJI. MAT YASIN)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k.:

- i. YAS TKP (O)
- ii. YAS TKP (P)
- iii. Pengarah Bahagian Pengurusan
- iv. Ketua Unit Integriti

SENARAI EDARAN

JBPM Ibu Pejabat

YS Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
YS Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
YS Pengarah Bahagian Latihan
YS Pengarah Bahagian Udara
YS Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
YS Pengarah Bahagian Pembangunan
YS Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera
Pengarah Bahagian Pengurusan
Ketua Unit Integriti

JBPM Negeri-Negeri

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau
Pinang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri
Terengganu
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan

Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia

Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah

Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur

Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Utara

Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak

Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah